

Usahasama Pemuliharaan Burung Air Migrasi dan Penggunaan Habitatnya secara lestari di ‘Flyway’ Asia Timur - Australia

(Tajuk Ringkas “Usahasama untuk ‘flyway’ Asia Timur – Australia”)

Pengenalan

Laluan fizikal yang dilalui oleh burung air migrasi setiap tahun dikenali sebagai ‘Flyway’. Terdapat laluan ‘flyway’ utama di seluruh dunia. ‘Flyway’ Asia Timur – Australasia bermula dari Timur Jauh Rusia dan Alaska, menuju ke arah selatan melalui ‘Flyway’ Asia Timur dan Asia Tenggara ke Australia dan New Zealand dan meliputi 22 buah negara. ‘Flyway’ Asia Timur – Australasia memberi perlindungan kepada lebih dari 50 juta burung air migrasi yang terdiri daripada 250 spesies termasuk 28 spesies yang terancam di dunia. Sewaktu dalam perjalanan, burung air migrasi akan bergantung kepada tanah lembap yang produktif untuk berehat dan mendapatkan makanan supaya menambahkan tenaga yang mencukupi untuk fasa perjalanan seterusnya. Oleh yang demikian Usahasama di peringkat antarabangsa amatlah penting untuk memulihara burung air migrasi dan habitatnya.

Pada tahun 2002, di Sidang Kemuncak Sedunia mengenai Pembangunan Secara Lestari (WSSD) di Johannesburg, Negara Jepun dan Australia bersama dengan Wetlands International telah berjaya mengemukakan Usahasama Jenis II untuk pemuliharaan dan kegunaan kawasan-kawasan yang diiktirafkan sebagai kawasan penting antarabangsa untuk burung air migrasi secara lestari, di Asia Timur, Asia Tenggara dan Australasia. Usahasama ini dimasukkan ke dalam senarai inisiatif WSSD Jenis II.

Dalam bulan November 2004, wakil dari 21 badan kerajaan, pertubuhan antara kerajaan dan badan bukan kerajaan bertemu di Republik Korea untuk membincangkan usahasama serantau untuk pemuliharaan burung air migrasi berasaskan konsep Usahasama Jenis II. Mereka bersetuju bahawa Usahasama ini boleh meningkatkan kerjasama diantara kerajaan, pertubuhan antara kerajaan dan badan bukan kerajaan dan menyumbang kepada pencapaian objektif Sasaran Pembangunan Alaf.

Ia dibentuk berasaskan pencapaian Jawatankuasa Pemuliharaan Burung air migrasi Asia-Pasifik, Strategi Pemuliharaan Burung air migrasi Asia-Pasifik (APMWCS) dan pelan tindakan untuk Anatidae, Burung Bangau dan Burung Persisiran Pantai. Strategi dan Pelan Tindakan ini telah membantu dalam kerjasama antarabangsa, penyelarasan dan aktiviti-aktiviti untuk memulihara dan melindungi habitat penting burung air migrasi sejak tahun 1996.

Pencapaian dibawah Strategi dan Pelan Tindakan ini juga meliputi lebih dari 700 kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan penting antarabangsa untuk burung air migrasi di ‘Flyway’ dan juga perkembangan jaringan kawasan untuk Anatidae, Burung Bangau dan Burung Persisiran Pantai, serta berbagai aktiviti yang telah meningkatkan kesedaran kita mengenai burung air migrasi, kesedaran mengenai kepentingan burung-burung ini dan menambahkan keupayaan pengurus-pengurus yang bertanggungjawab memelihara kawasan-kawasan penting untuk burung air migrasi disepanjang ‘Flyway’.

Walaupun berbagai usaha telah dilakukan, namun demikian burung air migrasi dan habitatnya menghadapi masalah kritikal akibat daripada penambahan jumlah penduduk dan pembangunan pesat ekonomi, khasnya di Asia Timur dan Asia Tenggara. Ia memberi kesan negatif terhadap burung air migrasi yang menghabiskan masa diluar musim mengawan di negara-negara ini dan

juga kepada burung air yang menggunakan kawasan tengah ‘Flyway’ ini ketika musim migrasi. Usahasama ini menyedari kepentingan pembangunan ekonomi untuk masyarakat di mana kawasan yang digunakan oleh mereka juga merupakan kawasan penting untuk burung air migrasi. Oleh yang demikian, Usahasama ini akan memastikan pengekalan habitat yang berkualiti untuk burung air migrasi.

Ia menyedari bahawa membina dan mempromosikan jaringan kawasan untuk burung air migrasi, dan menambahkan keupayaan masyarakat tempatan untuk memastikan perkhidmatan ekosistem dilakukan secara lestari, akan meningkatkan tahap pemuliharaan burung air migrasi yang diliputi oleh / di bawah Usahasama ini seperti dicatitkan di lampiran III dokumen ini. Usahasama ini turut menyedari bahawa pendekatan luas ‘Flyway’ kepada pemuliharaan burung air migrasi adalah cara yang paling sesuai untuk meningkatkan tahap pemuliharaan mereka.

Usahasama ini akan menyumbang kepada pelaksanaan beberapa perjanjian diantara kerajaan-kerajaan dan kepada sistem antarabangsa yang lain, termasuk Konvensyen Mengenai Tanah Lembap (Ramsar), Konvensyen spesies burung air migrasi, Konvensyen kepelbagaian Biologi (resolusi 7.4 dan 7.28), Keutamaan Projek dan garis panduan untuk UNDP dan UNEP, Polisi air UNEP dan Portfolio mengenai tindakan berkenaan air yang disenaraikan / disusun pada Forum Air Sedunia yang ketiga. Pengiktirafan Usahasama ini, sebagai inisiatif serantau di dalam rangka kerja konvensyen Ramsar, seperti yang dicatitkan di Resolusi 9.7 adalah pengiktirafan yang bermakna kepada kepentingan Usahasama ini di ‘Flyway’.

Usahasama ini juga akan membantu negara-negara yang pada masa kini mempunyai perjanjian dua-hala untuk burung air migrasi di ‘Flyway’ (Republik Rakyat Cina, Jepun, Amerika Syarikat, Australia, Persekutuan Negeri-negeri Russia, Republik Korea dan Republik Demokratik Korea) supaya mereka boleh memenuhi kewajipan mereka dibawah perjanjian masing-masing.

Ahli-ahli Usahasama ‘Flyway’ ini telah bersetuju seperti berikut:

PERENGGAN 1 – Taraf Sah

Usahasama ini merupakan suatu inisiatif yang tidak formal dan sukarela oleh Para Ahli.

PERENGGAN 2 – Tujuan, Sasaran dan Matlamat

Tujuan

Tujuan Usahasama ini ialah untuk memberi rangka / panduan luas “flyway” untuk mempromosikan dialog, dan kerjasama di antara pelbagai perbadanan yang memainkan peranan penting dalam perkara ini termasuk seluruh peringkat kerajaan, pengurus kawasan, perjanjian perlbagai hala mengenai alam sekitar, Institusi teknikal, agensi PBB, agensi pembangunan, sektor industri dan swasta, akademi pengajian, badan bukan kerajaan, kumpulan-kumpulan komuniti masyarakat dan masyarakat tempatan untuk memulihara burung air migrasi dan habitatnya.

Sasaran

Burung air migrasi dan habitatnya di 'flyway' Asia Timur – Australasia diiktiraf dan dilindungi untuk kebaikan manusia dan kepelbagaian biologi.

Matlamat

1. Membangunkan jaringan kawasan 'flyway' yang berkepentingan antarabangsa untuk pemuliharaan burung air migrasi, yang dibentuk berasaskan pencapaian jaringan APMWCS.
2. Mempertingkatkan komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam mengenai nilai burung air migrasi dan habitatnya.
3. Mempertingkatkan kegiatan penyelidikan 'Flyway' dan kegiatan pemantauan, menambah pengetahuan dan mempromosikan pertukaran maklumat mengenai burung air dan habitatnya.
4. Membina keupayaan pengurus-pengurus sumber asli, pihak berkuasa dan pihak berkepentingan setempat dalam menguruskan burung air dan habitatnya.
5. Membangunkan, khasnya untuk spesies burung air migrasi dan habitat yang diberi keutamaan, pendekatan luas 'flyway' untuk meningkatkan tahap pemuliharaan burung air migrasi.

PERENGGAN 3 – Mewujudkan Jaringan kawasan yang berkepentingan antarabangsa untuk pemuliharaan burung air migrasi di sepanjang 'Flyway' Asia Timur – Australasia, yang berasaskan pencapaian jaringan APMWCS

1. Pembentukan Jaringan kawasan 'Flyway' Burung Air di Asia Timur – Australasia (Jaringan kawasan 'Flyway') adalah unsur kritikal bagi Usahasama di mana ia akan memastikan bahawa rangkaian kawasan berkepentingan antarabangsa diuruskan secara lestari supaya dapat menyokong lebih lanjut kehidupan burung air migrasi didalam 'flyway'.
2. Jaringan kawasan Anatidae, Burung Bangau dan Burung Pesisiran Pantai di bawah APMWCS akan dijemput untuk menjadi sebahagian daripada Jaringan kawasan "Flyway" Asia Timur – Australasia tanpa pengesahan, mengikuti garis panduan peralihan.
3. Jaringan kawasan akan menentukan spesies atau kelompok-kelompok burung air (contohnya Anatidae, Burung Bangau, Burung Pesisiran Pantai, Burung Pucung, Burung Tern) yang menjadikan sesuatu kawasan sebagai berkepentingan antarabangsa. Spesies burung air yang menggunakan kawasan 'flyway' yang sama akan memberikan suatu asas yang kukuh untuk kegiatan Usahasama.
4. Ahli yang terdiri dari Kerajaan digalakkan untuk menyerahkan maklumat kawasan-kawasan berkepentingan antarabangsa burung air migrasi yang terdapat di wilayah mereka supaya maklumat ini boleh dimasukkan ke dalam senarai Jaringan kawasan 'Flyway' seperti di Lampiran V. Jika maklumat ini memenuhi kriteria seperti dicatitkan di Lampiran IV, ia akan dimasukkan ke dalam Lampiran V mengikuti garis panduan untuk membolehkan kawasan tersebut dijadikan sebahagian daripada jaringan kawasan 'Flyway'.

5. Ahli yang terdiri dari Kerajaan mempunyai hak untuk mengeluarkan sesuatu kawasan dari Jaringan kawasan 'Flyway' dan hendaklah memaklumkan ini kepada Urus Setia.
6. Ahli yang terdiri dari Kerajaan dikehendaki membantu pengurus kawasan jaringan 'flyway' di negara mereka untuk membangun dan melaksanakan pelan pengurusan kawasan mengikuti garis panduan yang telah dipersetujui di peringkat antarabangsa (contohnya garis panduan Ramsar mengenai pengurusan tanah lembap).

PERENGGAN 4 - Mempertingkatkan komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam mengenai nilai burung air migrasi dan habitatnya

1. Ahli-ahli Usahasama akan menggalakkan komunikasi, pendidikan dan kegiatan kesedaran awam di sepanjang 'Flyway' mengenai burung air migrasi, pemuliharaan dan penggunaan secara lestari kawasan-kawasan burung air migrasi.
2. Ahli-ahli Usahasama digalakkan untuk meningkatkan tahap kesedaran mengenai burung air migrasi dan kepentingan memulihara mereka, dengan tujuan untuk meningkatkan penglibatan masyarakat dan pihak berkuasa di dalam kegiatan pemuliharaan dan perlindungan burung air migrasi dan habitatnya.
3. Pesanan penting di dalam bahan-bahan pendidikan dan kesedaran akan dijadikan konsep pendekatan luas 'flyway' kepada pemuliharaan burung air migrasi dan habitat di jaringan kawasan 'flyway' di sepanjang 'flyway' yang diperlukan bagi burung air melengkapkan kitaran tahunan mereka.

PERENGGAN 5 – Mempertingkatkan kegiatan penyelidikan dan pemantauan 'Flyway', menambah pengetahuan dan mempromosikan pertukaran maklumat mengenai burung air dan habitatnya

1. Ahli-ahli Usahasama digalakkan untuk membangunkan dan melaksanakan program penyelidikan dan pemantauan yang sesuai untuk populasi burung air migrasi dan habitatnya.
2. Ahli-ahli Usahasama sedar tentang keperluan untuk pemahaman yang lebih baik terhadap strategi penghijrahan burung air migrasi bagi membantu dalam penilaian risiko penyakit yang dibawai oleh burung-burung ini dan juga pembentukan pelan tindak balas.
3. Ahli-ahli Usahasama digalakkan untuk berkongsi maklumat dan data dari program penyelidikan dan pemantauan di 'flyway'.

PERENGGAN 6 - Membina keupayaan pengurus sumber asli, pihak berkuasa dan pemegang kepentingan setempat untuk menguruskan burung air dan habitatnya.

1. Ahli-Ahli Usahasama digalakkan bekerjasama untuk membina kepakaran di sepanjang Jaringan kawasan 'Flyway' termasuk mempromosikan berbagai teknik pengurusan pembangunan secara lestari, membangunkan dan melaksanakan pelan pengurusan,

pemantauan burung air, mempromosikan kesedaran dan pendidikan awam dan pembangunan penyelidikan.

2. Ahli-ahli digalakkan untuk membantu masyarakat menerima dan melaksanakan prinsip-prinsip pembangunan secara lestari dalam pengurusan kawasan-kawasan berkepentingan antarabangsa, khasnya pada negara-negara di 'flyway' yang mempunyai kebolehan dan sumber-sumber yang terhad.

PERENGGAN 7 – Membangunkan, khasnya untuk spesies burung air migrasi dan habitatnya yang diberi keutamaan, pendekatan luas 'flyway' bagi mempertingkatkan tahap pemuliharaan terhadap burung air migrasi

1. Bagi spesies yang diberi keutamaan (burung air migrasi yang terancam di peringkat dunia dan serantau, spesies yang perlu dipulihara, dan spesies yang sangat penting) dan habitat mereka di dalam lingkungan 'Flyway', Para ahli Usahama digalakkan untuk mempromosikan dan menyokong program pembangunan program pemuliharaan dan pengurusan spesies.

PERENGGAN 8 - Keahlian

1. Pihak kerajaan boleh menjadi ahli Usahasama ini dengan menyokong teks, matlamat dan kegiatan di bawah Usahasama ini.
2. Badan Bukan Kerajaan Antarabangsa, Pertubuhan Antara Kerajaan dan sektor perniagaan antarabangsa boleh menyertai Usahasama ini dengan menyokong teks, matlamat dan kegiatan di bawah Usahasama ini.
3. Usahama dibuka kepada ahli baru.
4. Ahli-Ahli Usahasama ini perlu menggalakkan penyertaan dari ahli baru ke dalam Usahasama ini.
5. Ahli-Ahli Usahasama ini akan dimaklumkan mengenai permohonan baru di luar sessi. Jika tiada isu dibangkitkan dalam masa sebulan, nama ahli baru akan dimasukkan ke dalam senarai ahli-ahli Usahama..
6. Ahli-Ahli Usahasama harus menyedari peranan berbagai peringkat kerajaan di dalam pelaksanaan Usahama ini dan menggalakkan Usahasama di peringkat kebangsaan dan kawasan untuk menyokong segala kegiatan.
7. Ahli-Ahli boleh menarik diri dari keahlian pada bila-bila masa dan digalakkan untuk memberi notis terlebih dahulu.
8. Senarai terbaru Ahli-Ahli yang berdaftar akan disertakan di lampiran I

PERENGGAN 9 - Pentadbiran

1. Pada permulaannya, untuk mengurus pelaksanaan Usahasama ini, suatu mesyuarat para ahli akan diadakan setiap tahun atau apabila diperlukan di tempat yang sesuai untuk semua.
2. Ahli-ahli Usahasama akan memilih pengerusi dan naib pengerusi untuk penggal selama 2 tahun.

3. Ahli-ahli Usahasama akan membentuk satu Urus Setia untuk memberi kemudahan kepada komunikasi dan penyelarasan Usahasama ini dengan lebih berkesan dan juga untuk menyelaraskan kegiatan di sepanjang 'Flyway'. Ahli-ahli Usahasama digalakkan untuk menyokong dan menyumbang sumber-sumber kepada Urus Setia.
4. Ahli-ahli Usahasama akan mempertimbangkan fungsi Urusetia, dan menentukan Terma Rujukan untuk Urusetia ini.
5. Ahli-ahli Usahasama boleh menggunakan perkhidmatan dari Ahli atau organisasi lain untuk memberi perkhidmatan kepada Urus Setia.
6. Para ahli boleh mengubah teks dokumen Usahasama ini jika dipersetujui oleh semua ahli di dalam mesyuarat.
7. Ahli-ahli Usahasama boleh meminda senarai taksonomi burung air migrasi yang disenaraikan dalam Usahasama melalui persetujuan sepakat, ini termasuk menambah atau mengeluarkan kumpulan burung air migrasi dari Lampiran III.
8. Ahli-ahli Usahasama boleh mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan untuk memudahkan keberkesanan operasi Usahasama ini.
9. Ahli-ahli Usahasama boleh membentuk kumpulan penasihat dan kumpulan tetap dan / atau kumpulan khas apabila diperlukan. Struktur organisasi Usahasama ini ialah seperti di Lampiran VI.

PERENGGAN 10 - Kewangan

1. Ahli-ahli Usahasama digalakkan untuk menyumbang sumber-sumber untuk menyokong kegiatan Usahasama ini.
2. Mesyuarat Ahli-ahli Usahasama akan menilai keperluan dan pilihan-pilihan lain untuk mendapatkan sumber kewangan bagi:
 - a) membantu para ahli melaksanakan kegiatan di bawah Usahasama ini; dan
 - b) menampung perbelanjaan yang diperlukan untuk operasi Urusetia, kumpulan penasihat, kumpulan kerja khas dan lain-lain kumpulan yang diwujudkan di bawah Usahasama ini.

Lampiran 1


Senarai Ahli-Ahli

| Diiktiraf oleh (Kerajaan/Pertubuhan di antara Kerajaan Negara/ Ahli Bukan Kerajaan) | Di (Tempat) atau Melalui (Kaedah) | Tarikh |
|---|-----------------------------------|------------------|
| Australia | Bogor, Indonesia | 6 November 2006 |
| Indonesia | Bogor, Indonesia | 6 November 2006 |
| Jepun | Bogor, Indonesia | 6 November 2006 |
| Filipina | Bogor, Indonesia | 6 November 2006 |
| Republik Korea | Bogor, Indonesia | 6 November 2006 |
| Rusia | Bogor, Indonesia | 6 November 2006 |
| Singapura | Bogor, Indonesia | 6 November 2006 |
| Amerika Syarikat | Bogor, Indonesia | 6 November 2006 |
| Convention on Migratory Species Secretariat (Urusetia Konvensyen mengenai Spesies burung air migrasi) | Bogor, Indonesia | 6 November 2006 |
| Ramsar Convention Secretariat (Urusetia Konvensyen Ramsar) | Bogor, Indonesia | 6 November 2006 |
| Australasian Wader Studies Group | Bogor, Indonesia | 6 November 2006 |
| International Crane Foundation | Bogor, Indonesia | 6 November 2006 |
| Wetlands International | Bogor, Indonesia | 6 November 2006 |
| WWF | Bogor, Indonesia | 6 November 2006 |
| IUCN | Surat kepada Urus Setia | 6 November 2006 |
| Birdlife International | Bogor, Indonesia | 9 November 2006 |
| Wild Bird Society of Japan | Surat kepada Urus Setia | 18 July 2007 |
| Royal Government of Cambodia | Beijing, China | 13 November 2007 |
| China | Surat kepada Urus Setia | 17 March 2008 |

Lampiran II - Definisi

Untuk tujuan Usahasama ini:

1. 'Burung air migrasi' bermaksud spesies atau dari taxa yang lebih rendah dari kelompok taksonomi burung air di Laluan 'Flyway' Asia Timur – Australasia yang dikenalpasti seperti di Lampiran III, di mana sejumlah dari kumpulan tersebut merentas satu atau lebih batasan kuasa kebangsaan mengikut pusingan dan ramalan.
2. 'Flyway Asia Timur-Australasia' bermaksud satu daripada sistem burung air migrasi sedunia yang menghubungkan secara langsung berbagai kawasan dan ekosistem di berbagai negara dan benua. 'Flyway' Asia Timur- Australasia meliputi sebahagian dari negara Amerika Syarikat (Alaska) dan Persekutuan Rusia (Timur Jauh Rusia) dan wilayah Asia Timur, Asia Tenggara dan Australasia.



Peta 'Flyway' Asia Timur - Australasia

3. 'Flyway' Bermaksud Laluan Asia Timur – Australasia.
4. 'Kerajaan yang bekerjasama' bermaksud Kerajaan-Kerajaan yang telah mengiktiraf Usahasama ini. Negara-negara di sepanjang 'Flyway' ini adalah; Australia, Republik Rakyat Bangladesh, Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Rakyat China, Republik Demokratik Rakyat Korea, Indonesia, Jepun, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Mongolia, Kesatuan Myanmar, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Republik Korea, Persekutuan Rusia, Republik Singapura, Republik Demokratik Timur Timor, Kerajaan Thailand, Amerika Syarikat dan Republik Sosialis Vietnam.
5. 'Ahli Antara Kerajaan' bermaksud badan antarabangsa dan serantau, pertubuhan dan agensi yang telah mengiktiraf Usahasama ini.
6. 'Ahli Antarabangsa Bukan Kerajaan' bermaksud badan bukan kerajaan antarabangsa, badan bukan kerajaan kebangsaan yang menyelaraskan kegiatan pemuliharaan burung air di lebih dari satu negara di 'Flyway' dan sektor perniagaan antarabangsa yang mengiktiraf Usahasama ini.
7. Ahli 'Flyway' merujuk kepada semua ahli yang terdiri dari Kerajaan, Ahli Antara Kerajaan, dan Ahli Badan Bukan Kerajaan Antarabangsa dilingkungi 'Flyway'.
8. Jaringan kawasan 'Flyway' bermaksud jaringan kawasan burung air migrasi melalui spesies dan populasi yang dikongsi di sepanjang 'Flyway'.

Lampiran III – Kumpulan taksonomi burung air bermigrasi di lingkungan ‘Flyway’ Asia Timur - Australasia

| Kumpulan taksonomi | Nama Inggeris |
|---------------------------|-----------------------------|
| Gaviidae | Divers/Loons |
| Podicipedidae | Grebes |
| Phalacrocoracidae | Cormorants |
| Procellariidae | Shearwaters |
| Oceanitidae | Storm Petrels |
| Pelecanidae | Pelicans |
| Ardeidae | Hérons, Egrets and Bitterns |
| Ciconiidae | Storks |
| Threskiornithidae | Ibises and Spoonbills |
| Anatidae | Swans, Geese and Ducks |
| Gruidae | Cranes |
| Rallidae | Rails, Gallinules and Coots |
| Heliornithidae | Finfoots |
| Jacaniidae | Jacanas |
| Haematopodidae | Oystercatcher |
| Recurvirostridae | Stilts and Avocet |
| Glareolidae | Pratincoles |
| Charadriidae | Plovers |
| Scolopacidae | Sandpipers |
| Laridae | Gulls, Terns and Skimmers |
| Stercorariidae | Skuas |
| Alcidae | Auks |

Lampiran IV – Kriteria Jaringan Kawasan ‘Flyway’

Untuk dimasukkan ke dalam Jaringan Kawasan ‘Flyway’, Usahasama ini telah menggariskan kriteria-kriteria seperti di bawah:

- a. Kriteria Konvensyen mengenai Tanah Lembap (Ramsar, Iran, 1971) untuk kawasan berkepentingan antarabangsa bagi burung air migrasi. Iaitu:
 - Kriteria 2: Sesuatu tanah lembap boleh diklasifikasikan sebagai berkepentingan antarabangsa jika ia mengandungi spesies yang terdedah kepada bahaya dan hampir pupus atau komuniti ekologi yang diancam.
 - Kriteria 5: Sesuatu tanah lembap boleh diklasifikasikan sebagai berkepentingan antarabangsa jika ia sentiasa menampung sekurang-kurangnya 20,000 burung air.
 - Kriteria 6: Sesuatu tanah lembap boleh diklasifikasikan sebagai berkepentingan antarabangsa jika ia sentiasa menampung 1% dari setiap populasi dari satu spesies atau subspecies burung air.
- b. Kriteria persinggahan yang digunakan di bawah Strategi Pemuliharaan Burung Air Migrasi Asia-Pacific. Iaitu:
 - i. Tempat persinggahan wajar dipertimbangkan sebagai berkepentingan antarabangsa jika ia sering menampung 0.25% dari setiap populasi dari satu spesies atau subspecies burung air migrasi.
 - ii. Tempat persinggahan wajar dipertimbangkan sebagai berkepentingan antarabangsa jika ia sering menampung 5,000 atau lebih burung air pada satu waktu semasa musim migrasi.
- c. Di dalam keadaan yang khusus, sesuatu kawasan boleh dicadangkan jika ia menampung burung air migrasi pada suatu tahap atau peringkat dari kitaran hidup mereka yang penting bagi menjaga populasi ‘flyway’.

**Lampiran V –Kawasan-kawasan yang dimasukkan ke dalam Jaringan Kawasan ‘Flyway’
Asia Timur - Australasia**

| Negara | Kawasan Burung Air Migrasi yang dimasukkan ke dalam Jaringan Kawasan ‘Flyway’” | Spesies Burung Air Migrasi atau kelompok-kelompok spesies yang menentukan kawasan diiktirafkan sebagai kawasan berkepentingan antarabangsa |
|--------|--|--|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

Lampiran VI–Struktur organisasi Usahasama yang dicadangkan

